


ISSUE #67/21 FEBRUARI 2026

GEMPAK

WWW.GEMPAK.COM

WEEKLY EDITION



RAYA BERBEZA

*Kamal
Adli*



Aidilfitri Selepas Berpisah, Tentang Tradisi & Penangan 'King of Threads'

Menjelang Aidilfitri yang semakin hampir, pelakon Kamal Adli mengakui sambutan Hari Raya pada tahun ini membawa suasana yang sedikit berbeza buat dirinya.

Jika sebelum ini Syawal diraikan dengan kehadiran insan tersayang di sisi, kali ini Kamal melalui persiapan raya dengan perasaan yang lebih sederhana selepas perpisahannya dengan bekas isteri, Uqasha Senrose.

Bagaimanapun, Kamal memilih untuk melihat perubahan tersebut dengan hati yang lebih terbuka.

"Memang rasa terkesan dengan raya kali ini sebab perbezaan sebelum dan selepas berpisah itu memang ada. Banyak perkara yang berubah, termasuk cara saya sambut raya.

"Tapi saya faham ini semua ketentuan Tuhan dan saya cuba terima sebaik mungkin. Apa yang penting bagi saya sekarang ialah saya harap Uqasha dan Hawra gembira menyambut raya tahun ini walaupun kami tidak bersama," katanya kepada Gempak.

Kamal berkata demikian ketika ditemui pada majlis rakaman Melodi Raya yang berlangsung di Saloma Kuala Lumpur pada Selasa.

Ujarnya lagi, dia tidak membuat sebarang persiapan besar untuk dirinya bagi menyambut Hari Raya kali ini. Sebaliknya, tumpuan lebih diberikan kepada anaknya, Hawra Uqaira termasuk menyediakan kelengkapan raya agar si kecil itu dapat menyambut Syawal dengan penuh gembira.

"Saya memang tiada persiapan raya untuk diri sendiri kali ini. Sekarang saya lebih fokus kepada persiapan Hawra, seperti cari baju raya dan kelengkapan untuk dia. Kalau saya kurang menerima tawaran kerja, saya akan gunakan masa itu untuk luangkan masa bersama dia.

Dalam masa sama, Kamal memaklumkan kemungkinan besar dia tidak dapat menyambut Hari Raya bersama Hawra kerana bekas isterinya dijangka akan membawa anak mereka pulang beraya di Kelantan.

"Saya rasa tahun ini mungkin saya tak dapat beraya dengan dia sebab Uqasha mungkin bawa Hawra balik ke Kelantan. Tapi saya harap sebelum raya nanti saya sempat luangkan masa dengan dia," ujarnya.

Tradisi Raya

Tidak melepaskan peluang, Kamal turut berkongsi tradisi keluarganya setiap kali menyambut musim perayaan.

"Saya pakai baju raya dua tiga tahun lalu selagi bentuk badan saya tak berubah sebab baju melayu pakai waktu hari pertama. Tak salah pun pakai baju yang sama. Tradisi raya sama sahaja, malam raya kami jalan-jalan cari baju raya dan esok paginya sembahyang, kemudian ziarah kubur dengan berjalan kaki, sebelum sambung beraya ke rumah saudara di kawasan tersebut.

"Saya paling rindu momen raya berkumpul dengan keluarga dan meluangkan masa bersama. Hari raya kedua biasanya kami tempah homestay untuk buat hari keluarga pula. Raya adalah hari untuk kosongkan jadual bagi jumpa sanak saudara yang lama tak berjumpa serta luangkan masa bersama orang tersayang tanpa memikirkan mengenai kerja," katanya.

Rutin Ramadan

Dalam pada itu, Kamal turut berkata bahawa rutin Ramadan yang dilaluinya tahun ini juga terasa sedikit berbeza berbanding sebelum ini.

"Rutin Ramadan kali ini memang agak berbeza. Sekarang asalkan ada makanan sahaja sudah cukup. Dulu masa hari pertama puasa saya pernah cuba masak sardin, dia kata sedap, mungkin sebab nak jaga hati saya.

"Tahun ini saya langsung tak masak, sampai rasa macam dah lama sangat tak masuk dapur sampai boleh lupa macam mana rupa dapur," katanya berseloroh.

Tambah Kamal, walaupun perubahan tersebut masih terasa baharu, dia cuba menyesuaikan diri dengan keadaan yang berlaku sedikit demi sedikit.

Hak Bermalam

Menurutnya lagi, buat masa ini dia juga masih belum mendapat hak untuk bermalam bersama anaknya. Namun begitu, dia tetap bersyukur kerana masih diberi peluang untuk bertemu dan meluangkan masa bersama Hawra setiap kali berkesempatan.

"Saya memang belum dapat hak bermalam lagi buat masa sekarang. Saya faham kalau Uqasha mungkin risau sebab saya tak ada pengalaman jaga Hawra sebelum ini.

"Tapi dapat jumpa dia pun saya dah bersyukur. Saya gembira sebab Uqasha memudahkan saya untuk berjumpa dengan Hawra. Setiap kali nampak dia teruja bila keluar berjalan dengan saya, itu pun sudah cukup buat saya rasa gembira," katanya.

King Of Threads

Dilihat semakin aktif di media sosial, Kamal turut menjelaskan bahawa interaksi di Threads adalah cara untuk dirinya mengisi masa lapang sambil healing dan berkongsi kegembiraan dengan orang ramai.

"Saya sebenarnya nak isi masa bosan saya sebab saya keseorangan. Selama ini, kalau ada yang pertikaikan saya tak aktif sebelum ini sebab tumpuan saya bukan pada media sosial. Harap mereka faham.

"Ini adalah cara saya healing dengan berborak dengan orang yang saya pun tak kenal. Saya jawab secara random, dan saya seronok bila orang gembira," katanya sambil tersenyum. - NURIN NABILAH JASNI





Kenapa Semua Orang Buat Lagu Raya? Ada Apa Dengan Aidilfitri 2026

Menjelang Aidilfitri yang berbaki sekitar satu minggu, masih ada dalam kalangan penyanyi ; maaf bukan hanya penyanyi tapi boleh guna istilah 'sesiapa sahaja', masih rancak melancarkan lagu raya.

Ya, lagu raya yang pernah agak tandus suatu ketika dahulu kini menjadi satu keraian. Kini, lagu raya tidak hanya dilahirkan oleh penyanyi profesional dengan bantuan komposer berprolifik yang selalu membawa emosi dan rasa syahdu dalam karya bersifat perayaan tetapi telah melalui anjakan 'kegembiraan' apabila lagu raya turut dihasilkan oleh pengengaruh dan founder atau penjual produk.

Entah sekarang lagu raya dibuat untuk melariskan produk atau sebagai satu batu loncatan untuk mendapat perhatian sekaligus cara pemasaran alaf baharu atau murni memang dibikin untuk menandai kesyukuran datangnya Aidilfitri, hanya mereka yang tahu.

Apa yang pasti, kemunculan lambakan lagu raya di tahun 2026 menyaksikan pendengar mempunyai banyak pilihan untuk mendengar pelbagai genre lagu raya mengikut cita rasa sendiri. Jika mahu yang syahdu, Dayang Nurfaizah pegang takhta di tahun ini menerusi Senyum Gugur di Penghujung Doa.

Jika mahukan lagu rancak, tentu sahaja penyanyi Aisha Retro sedang merajai carta dan 'menang besar' dalam kalangan pendengar menerusi Jodoh Lebaran yang secukup rasa 'manis kuih raya'.

Tentu sahaja lagu Biduanita Negara, Datuk Sri Siti Nurhaliza, Beraya Dengan Saya juga menjadi pilihan - sama seperti pendengar sukakan kolaborasi Faizal Tahir dengan Senariounion iaitu Bila Lagi Nak Jumpa.

Namun, di sebalik penghasilan lagu raya yang dinyanyikan oleh penyanyi profesional, lagu-lagu nyanyian penjual produk dan mempengaruhi seperti Datuk Aliff Syukri sekeluarga iaitu Mama Papa Raya turut mendapat tempat di hati peminat. Jika tidak, masakan video klipnya ditonton lebih dua juta dalam tempoh dua minggu dihasilkan dan beri gelaran 'netizen approved'. Tidak hanya itu, Aliff juga memiliki lagu raya duet bersama penyanyi Iman Troye, Tung Tung Raya.

Agy pula sempat mengundang kontroversi dengan Lala Raya sehingga klip videonya diturunkan dari atas talian selepas dikecam.

Dan, panjang lagi senarai lagu raya yang dihasilkan pada tahun ini.

Persoalannya, kenapa semua orang buat lagu raya? Ada apa dengan Aidilfitri 2026?

Meski terdapat pro dan kontra tentang penghasilan lagu raya masa kini yang disifatkan kurang emosi, terlalu rancak, sudah hilang sentuhan syahdu, tiada mesej dan terlebih joget, boleh sahaja disifatkan pembikinan banyaknya lagu raya di tahun ini sebagai pesta keraian sekali gus menyebarkan energi serta positifiti menuju Lebaran.

Malah, tidak keterlaluan juga kalau diucapkan terima kasih buat Mimifly, Serumpun dan De Fam, Alamak Raya Lagi yang telah membudayakan semula pembikinan lagu raya yang hampir pupus.

Tanpa merendahkan sedikit pun betapa indah lagu raya malar segar seperti Selamat Hari Raya, Balik Kampung, Musafir di Aidilfitri, Suara Takbir atau Menjelang Hari Raya dan lambakan lagu raya moden yang sungguh catchy, mari kita sambut Aidilfitri dengan penuh harmoni dan kesyukuran semua! - MALIAH SURIP





Pengarah: Jay Sukmo
Pelakon: Revalina S. Temat, Gunawan Sudrajat, Megan Domani, Annisa Kaila
Genre: Drama

Kehidupan Sarah musnah apabila suaminya, Satrio, ingin berkahwin semula, memaksanya memilih untuk bercerai dan berjuang sebagai ibu tunggal. Namun, apabila Satrio sakit, Sarah terpaksa menerima Satrio dan isteri baharunya, Annisa, untuk tinggal bersama di rumahnya. Keadaan ini menguji ketabahan dan keikhlasan Sarah dalam menghadapi konflik dalaman, rasa cemburu, serta proses memaafkan dan mencari kekuatan diri.

Pengarah: Dinna Jasanti
Pelakon: Arbani Yasiz, Mawar Eva De Jongh, Unique Priscilla, Kiki Narendra, Yasamin Jasem
Genre: Drama, Romance

Albi pada mulanya hanya mengagumi Shella dari jauh. Namun, seiring berjalannya waktu, hubungan mereka semakin berkembang. Albi juga sentiasa ada untuk Shella, terutamanya selepas didiagnosis menghidap kanser ovari. Cinta mereka diuji oleh penyakit yang semakin serius, namun Albi tidak pernah berputus asa. Walaupun dalam saat-saat yang paling sukar, dia tetap memilih untuk mengahwini Shella, membuktikan bahawa cinta sejati mampu bertahan menghadapi dugaan yang paling berat

Pengarah: Dinna Jasanti
Pelakon: Arbani Yasiz, Mawar Eva De Jongh, Unique Priscilla, Kiki Narendra, Yasamin Jasem
Genre: Drama, Romance

Albi pada mulanya hanya mengagumi Shella dari jauh. Namun, seiring berjalannya waktu, hubungan mereka semakin berkembang. Albi juga sentiasa ada untuk Shella, terutamanya selepas didiagnosis menghidap kanser ovari. Cinta mereka diuji oleh penyakit yang semakin serius, namun Albi tidak pernah berputus asa. Walaupun dalam saat-saat yang paling sukar, dia tetap memilih untuk mengahwini Shella, membuktikan bahawa cinta sejati mampu bertahan menghadapi dugaan yang paling berat

Temberang, Aidid Marcello, Badron Munirah & Keluarga Iskandar 3 Dominasi Carta GMW Minggu Ini!

Carta Gempak Most Wanted Mingguan minggu ini menyaksikan pelbagai nama besar dan pencipta kandungan digital terus mendominasi perhatian peminat.

Dalam kategori Video Muzik Trending, "Eyes On Me" oleh XONE berada di tangga pertama diikuti "Temberang" (Mimifly), "Gelas Memori" (Fiq7 ft. Adira Suhaimi), "Rencong" (Dato Sri' Siti Nurhaliza) dan "Cinta Abadi" (Erra Fazira).

Bagi Digital Creator Lifestyle, Wanie Elena mengungguli carta diikuti Afiqa Aisya, Farzana Huda, Mek Yun dan Wani Zahadi, manakala kategori Sports dipimpin Nasseb Ali diikuti Seerah Mahir, Riedzwan, Hazim Sazali dan Miyo.



Aidid Marcello pula menduduki tangga pertama bagi Hos Program Digital Trending, meninggalkan Erra Fazira, Shuib, Iskandar Rahman dan Haidar Hasanudin.

Bagi Digital Creator Entertainment, Badron Munirah berada di tangga teratas diikuti Nasz Kenyang, Roy, Pipija dan Baiboeck.

Sementara itu, "Keluarga Iskandar 3" muncul Drama Trending No.1, diikuti "Andai Itu Takdirnya 2", "Bila Cinta Menjadi Dosa", "Kerana Cinta Itu Dusta" dan "Bahagia Yang Tertangguh", manakala dalam kategori Selebriti Trending, Erysha Emyra menduduki tempat pertama diikuti Harissa Adlynn, Que Haidar, Amir Masdi dan XONE.

GMW bersiaran setiap hari Rabu, 11 malam di Astro Ria, On Demand & Astro GO.

Jadi, teruskan mengundi calon kesayangan anda!



Semak ranking semasa GMW minggu ini!

TOP 5 Video Muzik Trending

- No 5: Cinta Abadi - Erra Fazira
- No 4: Rencong - Dato Sri' Siti Nurhaliza
- No 3: Gelas Memori - Fiq7 ft. Adira Suhaimi
- No 2: Temberang - Mimifly
- No 1: Eyes On Me - xone

TOP 5 Digital Creator Trending (Lifestyle)

- No 5: Wani Zahadi
- No 4: Mek Yun
- No 3: Farzana Huda
- No 2: Afiqa Aisya
- No 1: Wanie Elena

TOP 5 Digital Creator Trending (Sports)

- No 5: Miyo
- No 4: Hazim Sazali
- No 3: Riedzwan
- No 2: Seerah Mahir
- No 1: Nasseb Ali

TOP 5 Digital Creator Trending (Beauty & Fashion)

- No 5: Anis Ridzwan
- No 4: Sandra Hanayu
- No 3: Nana Lee
- No 2: Evan
- No 1: Warah



‘Amira Amir’, Pembohongan Identiti Demi Cinta Dan Maruah

Jika rahsia masa lampau yang dipikul terbongkar, apakah pengorbanan yang anda sanggup lakukan demi cinta dan maruah? Persoalan inilah yang menjadi nadi kepada Amira Amir, sebuah filem drama sosial provokatif terbaru terbitan Astro Shaw yang bakal menemui penonton di pawagam rumah anda, Astro First bermula 26 Februari.

Tampil dengan tagline ‘Setiap Rahsia Ada Harganya’, filem ini diarahkan Reen Imran dan dibintangi Zahiril Adzim, Sophia Albarakbah, Fezrul Khan, Zarynn Min dan Kartina Aziz. Manakala, Ababil bertindak sebagai guru lakonan dan skrip oleh Eenaz Mokhtar, Zuli Ismail dan Ctna Marzuki.

Amira Amir mengisahkan Ziyad, seorang lelaki yang berkahwin atas dasar cinta pandang pertama bersama Amira. Kehidupan rumah tangga yang dibina atas kepercayaan mula runtuh apabila satu kebenaran besar tentang identiti Amira terbongkar, sekali gus mengubah keseluruhan hidup, prinsip dan persepsi Ziyad terhadap cinta serta ikatan perkahwinan.

Lebih sekadar kisah cinta, Amira Amir meneroka konflik yang lebih besar iaitu realiti menyembunyikan kebenaran yang melanggar hukum dan memberi impak mendalam bukan sahaja kepada hubungan peribadi, tetapi juga kepada penerimaan dan persepsi masyarakat. Filem ini mengajak penonton menilai sejauh mana masyarakat bersedia memahami individu yang ‘berbeza’.

Penerbit Eksekutif Amira Amir merangkap Ketua Astro Shaw, Raja Jastina Raja Arshad berkata, “Amira Amir dihasilkan untuk pengalaman menonton yang intim bersama insan tersayang di rumah, sambil bebas berdiskusi dan menyuarakan emosi ketika menyaksikan setiap babak.

Filem ini mengetengahkan topik realiti sosial berkaitan isu kejujuran identiti yang memberi kesan pada diri sendiri, insan tersayang dan masyarakat. Naratif filem ini menampilkan perspektif daripada pelbagai pihak secara seimbang, seterusnya mampu mencetus perbincangan dalam kalangan penonton.

Tambah pula, kami memilih untuk mempersembahkan filem ini pada bulan Ramadan nanti dengan mengharapkan dapat menyuntik keinsafan dan keberanian kita berdepan dengan situasi sebegini yang banyak terjadi di luar sana.”

Sebagai pelengkap penceritaan, Amira Amir menampilkan lagu tema ‘Hati Yang Tak Terbalas’ yang dibawakan oleh penyanyi bersuara emas, Marsha Milan.

Amira Amir akan ditayangkan secara eksklusif di pawagam rumah anda, Astro First bermula 26 Februari 2026. Seiring dengan mesej ramadan Astro tahun ini iaitu ‘Bila Bersama Lagi Jadi’, filem ini lebih menarik dinikmati bersama insan tersayang secara beramai-ramai apabila melanggan dengan hanya satu harga, iaitu RM15 di platform Astro dan sooka dalam tempoh 48 jam.

Astro First Eksklusif menjanjikan pengalaman pawagam di rumah anda yang premium dengan kualiti visual dan audio yang mengasyikkan, di samping fleksibiliti menonton mengikut masa sendiri.



Astro Lancar Kempen 'Bila Bersama, Lagi Jadi', Hidang Pelbagai Pengisian Menarik Sepanjang Syawal

Sempena Aidilfitri, Astro mempersembahkan rangkaian kandungan istimewa merentasi televisyen, radio dan platform digital menerusi kempen Raya bertemakan 'Bila Bersama, Lagi Jadi' yang menekankan nilai kebersamaan serta keharmonian.

Meneruskan tradisi iklan Raya tahunan, filem pendek 'Bila Bersama, Lagi Jadi' arahan Hyrul Anuar mengisahkan persaingan lucu antara Samad (Adlin Aman Ramlie) dan Razak (Faizal Hussein) yang berlumba menyiapkan pelita panjut sehingga tanpa sedar memecahbelahkan komuniti kampung sebelum menyedari semangat Aidilfitri sebenar adalah kebersamaan.

Selain itu, Astro bersama Rocketfuel Entertainment turut mempersembahkan deretan lagu Raya baharu daripada artis popular seperti ALPHA, Wani Kayrie, Hael Husaini, Nadeera dan Dayang Nurfaizah bagi memeriahkan sambutan sepanjang Ramadan dan Syawal.

Dalam masa sama, Astro Ria dan Astro Prima bakal menyajikan sebanyak 16 telefilem, pelbagai drama serta program hiburan khas termasuk konsert, rancangan komedi dan kandungan digital yang boleh distrim menerusi Astro GO dan sooka bagi memeriahkan lagi sambutan Aidilfitri tahun ini.

Manakala, di pawagam, Astro Shaw mempertaruhkan dua filem baharu:

- Malaikat Malam (26 Mac 2026)
- Mikael: Pemburu Dua Alam (2 April 2026)

Sementara itu, di Astro First, penonton boleh melanggan Papa Zola The Movie bermula 19 Mac 2026 dan Abah Saya Uncle Mike mulai 2 April 2026.

Astro Gempak pula membawakan kandungan seperti Travel Balik Utara, Gempak Most Wanted Raya dan Sayang Ajar Masak Raya.





Siti Nurhaliza Anjur 'Iftar Jiwa Prihatin', Kongsi Rezeki Bersama Anak Yatim & Rakan Artis

Biduanita Negara, Datuk Seri Siti Nurhaliza, menerusi Yayasan Nurjiwa, terus mengambil kesempatan berkongsi rezeki sepanjang Ramadan dengan menganjurkan majlis berbuka puasa 'Iftar Jiwa Prihatin'.

Majlis tersebut diadakan dengan kerjasama Yayasan Prihatin Nasional bagi meraikan anak yatim, pelajar tahfiz serta beberapa rakan artis yang berdepan kesukaran hidup.

Antara selebriti yang hadir dan menerima sumbangan termasuk Shamsul Ghau Ghau, Harun Hashim dan Asheed Def Gab C.

Menurut Siti, penganjuran majlis itu bukan sekadar acara berbuka puasa, sebaliknya simbolik kesatuan dalam membantu golongan yang memerlukan.

"Semoga usaha kecil ini membawa keberkatan dan senyuman kepada semua tetamu yang hadir," kongsiya.

Melalui inisiatif tersebut, kedua-dua yayasan terus memperkukuhkan komitmen dalam kerja kebajikan serta usaha meningkatkan kesejahteraan masyarakat.

Dalam majlis yang sama, Siti turut melancarkan produk biskut raya 'Siti Signature Cookies' bersama Aroma, selain menjalin kerjasama dengan pelawak Johan Raja Lawak dan isterinya, Ozlynn Waty. - Amirul Ilyasha



Tunaikan Permintaan Peminat, Konsert Ijmal Cinta Ramadan 3.0 Tampilkan Artis Veteran Terkemuka

Kehadiran Ramadan memang sering dinantikan umat Islam di seluruh dunia kerana pada bulan inilah kita diwajibkan menunaikan salah satu rukun Islam iaitu ibadah berpuasa dengan menahan diri daripada makan dan minum serta melakukan perkara yang dilarang.

Maka, tidak hairan mengapa banyak pihak yang mengambil keberkatan di bulan suci ini dengan menganjurkan pelbagai acara atau program berkaitan dakwah dan kebajikan setiap tahun, tidak terkecuali syarikat HS Event & Ent Sdn Bhd.

Kekal dengan program berkonsep hiburan dakwah tahunan mereka yang sentiasa mendapat sambutan positif daripada peminat, HS Event & Ent Sdn Bhd dengan kerjasama Saloma telah menganjurkan Konsert Ijmal Cinta Ramadan 3.0 yang berlangsung di Saloma, Kuala Lumpur pada 14 Mac 2026.

Konsert ini menampilkan ramai artis terkemuka dari era 80an dan 90an seperti Shima, To'Ki, Zur Eda, Norshila Amin, Dayangku Intan, Roy Ratnaku, Mamat Exists, Koprata, Zack Kacamata dan The Rayhan.

Istimewanya lagi, penganjuran konsert Ijmal Cinta Ramadan 3.0 ini dilakukan berdasarkan permintaan yang diterima daripada peminat seni.

Malah, kesemua nama-nama besar ini juga sudi menerima tawaran mereka untuk menjayakan konsert ini.

Tidak hanya semata-mata untuk berhibur dan mengikuti aktiviti ibadah yang disusun, peminat juga berpeluang beramal melalui setiap pembelian tiket secara langsung untuk program konsert ini.





Financial Faiz

@financialfaiz

BNPL Bukan Untuk Barang Mewah, Faiz Azmi Jelaskan Cara Urus Kewangan Dengan Bijak

Pendidik kewangan Faiz Azmi menjelaskan bahawa kemudahan Buy Now Pay Later atau BNPL sebenarnya bukan semata-mata digunakan untuk membeli barangan mewah, sebaliknya membantu ramai pengguna mengurus aliran tunai harian.

Menurut Faiz, kajian menunjukkan majoriti rakyat Malaysia menggunakan kemudahan tersebut bagi mengurus kewangan dengan lebih teratur.

"Kajian menunjukkan rakyat Malaysia yang menggunakan BNPL bukanlah untuk membeli barang mewah. Sebaliknya, kira-kira 57 peratus pengguna menggunakan kemudahan ini untuk mengurus aliran tunai mereka," katanya.

Faiz menjelaskan, salah satu sebab utama ramai memilih BNPL adalah kerana tidak semua individu mempunyai akses mudah kepada kemudahan kredit seperti kad kredit.

Golongan pekerja dalam ekonomi gig atau mereka yang baru mula membina rekod kewangan sering berdepan kesukaran untuk mendapatkan akses kepada produk kewangan tradisional.

Menurutnya, di sinilah perkhidmatan seperti SPayLater memainkan peranan penting sebagai langkah permulaan untuk membina rekod kewangan.

"Tak semua orang ada akses kepada kad kredit. Terutamanya mereka yang bekerja dalam gig economy atau yang baru nak bina rekod kewangan.

"SPayLater boleh menjadi 'stepping stone' untuk mereka bina sejarah kewangan atau 'financial paper trail'. Ini boleh memudahkan urusan permohonan kewangan pada masa akan datang," jelasnya.

Faiz turut memberikan contoh bagaimana kemudahan BNPL boleh membantu pengguna mengurus pembelian besar tanpa menjejaskan perbelanjaan harian.

Sebagai contoh, sekiranya seseorang perlu membeli tayar kereta bernilai RM600, pembayaran boleh dibuat secara ansuran selama tiga bulan.

"Daripada bayar RM600 sekali gus, anda boleh pecahkan kepada ansuran tiga bulan. Jadi hanya perlu bayar RM200 setiap bulan. Jumlah keseluruhan masih sama RM600, tetapi aliran tunai bulanan anda lebih terurus," katanya.

Tambahnya, pilihan pembayaran tertentu juga menawarkan kadar pemprosesan sifar peratus jika pengguna memilih pelan ansuran tertentu.

Walaupun begitu, Faiz mengingatkan pengguna supaya tidak menyalahgunakan kemudahan BNPL sehingga mendorong kepada tabiat berbelanja di luar kemampuan.

Menurutnya, kemudahan kewangan seperti ini sepatutnya digunakan sebagai alat pengurusan kewangan, bukannya tiket untuk berbelanja tanpa kawalan.

"Jangan pula semua benda nak beli guna SPayLater. Sampai barang yang tidak diperlukan pun dibeli hanya kerana ada kemudahan itu.

"Kita gunakan alat kewangan ini untuk mengurus duit, bukan untuk menambah beban hutang," katanya.




Sign Language May Enter School Curriculum by 2027



Malaysian Sign Language (BIM) may be introduced as an additional subject under the School Curriculum 2027 (KP2027).

Deputy Education Minister Wong Kah Woh said the move aims to promote inclusivity and help mainstream students communicate better with hearing impaired peers, especially in schools with the Integrated Special Education Programme (PPKI).

The initiative also supports broader efforts to ensure students with disabilities receive equal access to education and social integration.



The Story Of Chow Kit's 'Stubborn House'

A small wooden house in Chow Kit, known as Rumah Degil, once stood stubbornly amid rapid urban development. Built nearly a century ago, it witnessed major events in Malaysia's history, including the Japanese Occupation and the 1969 riots.

When the land was sold in 2013 and the house faced demolition, architects and conservationists stepped in to relocate and preserve it as a symbol of Kuala Lumpur's heritage.



Single Mum Drives Express Bus To Support Family

A 26 year old single mother from Setiu, Terengganu is challenging stereotypes by working as an express bus driver to support her two children. Nurul Ain Nadia Abdullah became interested in driving heavy vehicles after being inspired by her brothers who drove lorries.

Following her divorce in 2022, she worked as a night security guard before obtaining a Class E licence and Public Service Vehicle bus licence.

She began driving express buses in 2023 and says the job provides financial stability while allowing her to spend more time with her children.

Read more at www.rojakdaily.com.